

Abdullah mahu MB guna zakat basmi kemiskinan

Um - 18/10/2008

Oleh ZAHARUDDIN MD. ALI
dan KAMIL MASLEH

JOHOR BAHRU 17 Okt. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Menteri-Menteri Besar supaya menggunakan zakat sebagai satu pendekatan untuk membasmi kemiskinan.

Perdana Menteri yakin pendekatan itu boleh digunakan untuk menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2008.

"Kita tidak mahu ketika Malaysia berusaha mencapai matlamat menjadi negara maju, masih terdapat golongan miskin tegar.

"Sebelum ini kita telah berjaya mengurangkan jumlah kemiskinan (rakyat) daripada 60 peratus kepada lima peratus dalam tempoh tidak sampai 50 tahun (negara mencapai kemerdekaan).

"Ini adalah satu kejayaan besar dan Malaysia telah menjadi negara nombor satu di dunia dalam usaha membasmi kemiskinan," katanya.

Beliau yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika berucap di hadapan para pemimpin serta ahli-ahli parti itu selepas menghadiri majlis berbuka puasa yang diikuti solat Maghrib, Isyak dan sunat tarawih di kediaman Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman di sini malam ini.

Turut hadir ialah menteri-menteri dari Johor, ahli-ahli Exco kerajaan negeri serta para pemimpin UMNO.

Abdullah berkata, agama Islam tidak menyukai kemiskinan kerana ia boleh mengancam keimanan umatnya.

Oleh itu, usaha membasmi kemiskinan perlu dijalankan dengan bersungguh-sungguh sebagai satu ibadah kerana ia juga termasuk dalam amal soleh.

Sehubungan itu, beliau turut menyeru wakil-wakil rakyat supaya berusaha membantu mengatasi masalah kemiskinan pen-

uduk di kawasan masing-masing.

"Saya mahu semua pihak memainkan peranan mereka bagi memastikan matlamat kerajaan ini mencapai kejayaan.

"Saya berharap satu ketika nanti, golongan yang berjaya dikeluarkan dari lubang kemiskinan akan mampu membayar zakat dan mereka pula kemudiannya boleh membantu golongan miskin yang lain," jelas beliau.

Dalam pada itu, beliau memuji langkah

Johor Corporation (JCorp) mengadakan program Tjariah Ramadan yang disiarkan di televisyen yang memaparkan kehidupan golongan miskin dan pada masa yang sama membantu mereka.

Katanya, beliau tertarik dengan pendekatan yang digunakan oleh program itu sehingga mendorong orang ramai menghulurkan bantuan kepada tabung yang diwujudkan untuk membantu golongan miskin tanpa mengira kaum atau agama

hanya melalui nombor telefon.

Melalui tabung tersebut, Perdana Menteri percaya bantuan boleh disalurkan kepada semua kaum dan ia tidak bercanggah dengan hukum Islam.

"Ini menunjukkan agama kita sebuah agama besar yang menganjurkan supaya umatnya mengamalkan sikap pemurah dan penyayang, saling menghormati antara satu dengan lain dan tidak sukakan pergaduhan," katanya.